



SIARAN MEDIA

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM
(MESTECC)**

PELANCARAN MALAYSIA THIRD NATIONAL COMMUNICATION AND SECOND BIENNIAL UPDATE REPORT (NC3 & BUR2)

28 Januari 2019, Putrajaya – Laporan Malaysia Third National Communication (NC-3) and Second Biennial Update Report (BUR-2) telah dilancarkan bagi memenuhi obligasi pelaporan perubahan iklim negara kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Framework Convention on Climate Change – UNFCCC) dan meningkatkan kesedaran umum tentang tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang dilaksanakan oleh Malaysia.

Laporan NC-3 dan BUR-2 ini mengandungi maklumat mengenai inventori gas rumah kaca (greenhouse gases – GHG) pada tahun 2014 dan 'time series' GHG dari tahun 1990 yang merangkumi sektor-sektor utama pelepasan GHG seperti sektor tenaga, proses industri, sisa, dan pertanian serta perhutanan. Dalam masa yang sama, laporan NC dan BUR juga mengandungi maklumat mengenai tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang dilaksanakan oleh negara.

Pelancaran Laporan NC-3 dan BUR-2 ini disempurnakan oleh YB Puan Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di Hotel Zenith, Putrajaya bersempena dengan Program MESTECC 2019: Kuasai. Laksana. Ungguli. (Own It. Do It. Ace It.). Lebih daripada 200 orang jemputan hadir yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kementerian/Agensi Kerajaan Pusat dan Negeri, ahli-ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat swasta.

YB Puan Yeo Bee Yin dalam ucapannya menyatakan bahawa laporan ini melaporkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Malaysia bagi mencapai hasrat pengurangan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% menjelang tahun 2030 berasaskan intensiti pelepasan GHG pada tahun 2005 sepertimana yang terkandung dalam Nationally Determined Contribution (NDC) Malaysia kepada Paris Agreement di bawah UNFCCC.

Beliau turut mengingatkan semua pihak bahawa menangani isu perubahan iklim adalah tanggungjawab bersama semua pihak dan Malaysia perlu meningkatkan keupayaan institusi dan perundangan bagi melaksanakan Paris Agreement bagi tempoh pasca2020.

Laporan NC-3 dan BUR-2 telah disediakan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan kerjasama United Nations Development Program (UNDP) menggunakan dana Global Environmental Facility (GEF).

Laporan NC-3 dan BUR-2 boleh diakses melalui capaian seperti berikut https://www.mestecc.gov.my/web/documents/jqhRxaP3ff20SNzCaBfiyqiOdsLhuBa9Jyz5D0C_gQ0

-TAMAT-

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

En. Ridzwan Ali
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim (BPASPI)
Tel: 012-2226758 atau

Akmal Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC
Tel: 012-9075372